

## Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

---

**From:** Institut Pengurusan Kualiti  
**Sent:** 06 April 2017 15:54  
**To:** UUM - All Staff  
**Subject:** EKSPLORASI MINDA IPQ



**Institut Pengurusan Kualiti**  
INSTITUTE OF QUALITY MANAGEMENT  
**Universiti Utara Malaysia**



**06 APRIL 2017/ 10 REJAB 1438H**

---

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

## EKSPLORASI MINDA IPQ



**IPQ ONLINE:** Tanggal 30 Mac 2017 yang lalu, Hutan Sintok UUM telah dijelajahi oleh staf Institut Pengurusan Kualiti (IPQ), sebagai salah satu aktiviti sukan dan riadah sambil menikmati keindahan alam semulajadi ciptaan Allah s.w.t.

Aktiviti *Jungle Tracking* yang dianjurkan oleh Kelab Kebajikan & Rekreasi IPQ, ini adalah bertemakan “Eksplorasi Minda IPQ”. Seramai 20 orang staf telah menyertai aktiviti ini dan telah berpeluang untuk melihat secara dekat pokok Tiga Beradik disamping merasai keindahan alam semulajadi di hutan serta menikmati keindahan Tasik Sintok yang lebih dikenali sebagai “*Hidden Lake*”.

Tiga (3) anak pokok sumbangan dari “Pejabat Renjer Hutan Changlun” iaitu pokok Meranti Tembaga (*Shorea Leprosula*), Karas (*Aquilaria Malaccensis*) dan Kapur (*Dryobalanops Aromatica*) telah ditanam sebagai tanda simbolik CSR IPQ di Hutan Sintok, UUM. Aktiviti menanam anak pokok ini membantu staf IPQ dalam memahami dan menghargai flora dan fauna di bumi sintok. Tambahan, IPQ merupakan Institusi UUM yang pertama menyumbang anak pokok di Hutan Sintok dengan tema “*Go Green Mother Earth and Save Our Planet*”.

Walaupun dalam kepenatan, staf IPQ telah menunjukkan semangat kerjasama yang jitu serta bantu-membantu antara satu sama lain dalam menjayakan aktiviti ini. Di samping itu, aktiviti ini juga meningkatkan lagi mutu kerja berpasukan dan di masa yang sama mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan warga IPQ.

HABIS.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.